

FAHAM INTELEKTUAL MENURUT PERSPEKTIF MALIK BENNABI

(INTELLECTUALISM FROM PERSPECTIVE OF MALIK BENNABI)

Khairiah Mohd Yassin

Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
Email: mykhairiah28@gmail.com

Accepted date: 30 Oktober 2017

Published date: 10 June 2018

To cite this document: Yassin, K. M. (2018). Faham Intelektual Menurut Perspektif Malik Bennabi. *Journal of Islamic, Social, economics and Development*. 3 (10), 99 -113.

Abstrak: Intelektual merupakan suatu golongan yang diklasifikasikan sebagai bijak pandai yang memiliki ilmu pengetahuan serta kepakaran dalam bidangnya serta di luar daripada bidangnya. Golongan bijak pandai ini berperanan penting dalam membangunkan bangsa dan negaranya. Namun apabila diteliti keadaan masyarakat Islam kini yang terkebelakang dalam banyak hal termasuk aspek keilmuan memperlihatkan isu intelektual semakin serius lagi membimbangkan. Keterbelakangan mereka menyaksikan bahawa wujud kekurangan serta kelompondan dari sudut keberkesanan peranan kaum intelektual di negara-negara Islam. Justeru itu dalam usaha meneliti peranan sebenar golongan intelektual, kajian ini akan menyoroti pandangan ilmuwan Islam tersohor sekitar abad ke-20-Malik Bennabi tentang intelektual. Kajian ini mengemukakan empat objektif utama berikut. Pertama, meneroka makna dan definisi yang mendasari istilah intelektual. Kedua, meneliti konsep intelektual dari kotak fikir Bennabi. Ketiga, mengenalpasti elemen kefalsafahan yang wujud daripada konsep intelektual tersebut. Keempat, meneliti asas dan kepentingan faham intelektual Bennabi dalam konteks pembangunan ketamadunan bangsa khususnya dan ketamadunan sejagat amnya. Kajian kepustakaan diaplikasikan dalam konteks pengumpulan data. Analisis kajian pula berasaskan analisis kandungan dengan memfokuskan kepada karya-karya penting Bennabi khususnya yang mengupas isu berkaitan intelektual dan permasalahan yang melingkarinya. Dapatan kajian ini memperolehi bahawa faham intelektual Bennabi merujuk kepada suatu bentuk pemikiran yang menekankan nilai intelek serta keterkaitannya dengan elemen spiritual. Selain itu, intelektual dan keintelektualan ditanggapi sebagai nadi kehidupan bagi masyarakat berperadaban/berketamadunan. Tanpa pemilikan nilai-nilai intelektual dan keintelektualan menyebabkan sesebuah masyarakat itu dianggap mati bahkan tiada fungsinya dalam perjalanan pembentukan sejarah ketamadunan dunia. Pemikiran faham intelektual Bennabi berasaskan unsur kefalsafahan ini memberi impak kepada pembangunan intelektual semasa khususnya terhadap pemantapan gagasan keintelektualan masyarakat Islam khususnya dan masyarakat dunia amnya..

Kata Kunci: Intelektual, Faham Intelektual, Malik Bennabi, Pembangunan Ketamadunan

Abstract: *Intellectuals are those who possess knowledge and expertise in their areas of specialization and other fields. This ingenious group plays an imperative role in developing their communities and nations. It is disappointing on examining the current state of the Muslim community in many respects even in the field of science that their intellectual state of affairs is seriously worrying and wanting. This state of underdevelopment is a symbol that there is lack of effectiveness on the role played by the intellectuals in these countries. This research is an effort to examine the true role of the intellectuals, by highlighting the opinion of Malik Bennabi the famous Muslim scholar of the 20th century – about intellectuals. The study starts by exploring the underlying meaning of the term intellectual, examines the intellectual concept of Bennabi's thoughts, identifies the element of philosophy that exists from the intellectual concept, and examines the fundamentals and interests of Bennabi's intellectual understanding in the context of development of a particular nation's civilization and civilization generally. This is a library based research and it utilized a content analysis methodology which focused on Bennabi's key works, especially those that deal with intellectual issues and matters surrounding them. The findings of this study reveals that Bennabi's intellectual understanding refers to a form of thought which emphasizes intellectual value related to spiritual elements. Intellectuals and intellectualism are considered the lifeblood of a civilization and a civilized society. Without intellectuals and intellectual values, a society will to be considered dead and not even functioning in the course of forming the history of world civilization. Bennabi's intellectual thinking was based on this philosophical element, which has had an impact on current intellectual development, particularly on strengthening the intellectual idea of the Islamic society specifically and the world at large.*

Keywords: *Intellectual, intellectualism, Malik Bennabi, civilization development*

Prawacana: Permasalahan Asas dan Isu-isu Keintelektualan Semasa

Kajian bertemakan intelektual ini merupakan suatu kajian penerokaan terhadap pemikiran tokoh tentang intelektual mencakupi konsep, falsafah dan kepentingannya. Kenapa intelektual? Ia merupakan fokus kajian ini berasaskan permasalahan kronik yang melanda negara semenjak kebelakangan ini. Masalah ketirisan dari sudut integriti dan akauntabiliti semakin menggusarkan ramai pihak kerana turut melanda pelbagai pihak termasuk agensi penguatkuasaan dan pentadbiran tertinggi negara ketika ini. Kenapa keadaan ini terus melanda negara? Di manakah bijak pandai yang bergelar intelektual negara ketika ini? Adakah mereka langsung tidak dapat berfungsi sebagai seorang intelektual?

Persoalan tersebut merupakan katalis kepada penerokaan terhadap pelbagai gagasan bertemakan intelektual. Ini kerana kefahaman yang mendasar dan mendalam tentang intelektual penting untuk terus diketengahkan agar masyarakat Malaysia khususnya dapat memahami siapakah dia intelektual, seterusnya mengenalpasti peranan intelektual serta keperluan terhadap kewujudan intelektual berfungsi di Malaysia dan negara membangun yang lain.

Jika di dunia Islam, antara tokoh yang turut membincangkan mengenai isu intelektual ialah Malik Bennabi. Beliau lantang mengingatkan bahawa “kita sekarang berdepan dengan satu persoalan yang belum diselesaikan iaitu keintelektualan” (Bennabi 2005:34), serta mengingatkan “sudah lama umat Islam berhadapan dengan satu penyakit yang perlu diubati

iaitu kejahilan dan buta keintelektualan” kepada pelbagai pihak (Bennabi 2005:52). Persoalannya, apakah isu keintelektualan yang dimaksudkan Bennabi?

Isu atau permasalahan intelektual dan keintelektualan yang membelenggu masyarakat disuarakan dengan lantang oleh Bennabi seperti,

- (i) “tidak efektifnya usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat Muslim dalam melahirkan pencapaian-pencapaian” (Bennabi 1994:70),
- (ii) “usaha intelektual diarahkan bukan ke masa depan, tapi ke masa lampau” (Bennabi 1994:70),
- (iii) “Sifat [masyarakat Islam] yang melihat ke belakang ini meletakkan kesan pada seluruh pengajaran yang bersifat retrospektif”, dan dianggap Bennabi sebagai “tidak sesuai dengan keadaan masa kini dan masa depan” (Bennabi 1994:70),
- (iv) masyarakat “tidak memiliki semangat dan tujuan” (Bennabi 1994:71),
- (v) “tidak adanya otak yang memiliki kemahuan dan kesedaran” (Bennabi 1994:109),
- (vi) “masyarakat berfikiran jumud atau statik, mudah menyerah diri, serta sering berputus asa pada keadaan dan takdir” (Bennabi 2005:66), dan
- (vii) “masyarakat yang memiliki kekaburan pemikiran serta pelaksanaan kebijaksanaan yang kurang efektif” (Bennabi 2003:48).

Daripada ungkapan tersebut memperlihatkan bahawa isu intelektual dan keintelektualan merupakan antara topik yang dibincangkan secara serius oleh Bennabi lewat karya-karya ilmiahnya. Beliau memberi penekanan terhadap isu berkenaan kerana merasakan masyarakat Islam khususnya dan masyarakat sejagat amnya sudah mula mengalami krisis keintelektualan. Krisis tersebut semakin membarah kerana ia melibatkan krisis pemikiran dan jati diri.

Bennabi menegaskan bahawa kesan daripada krisis keintelektualan “boleh melenyapkan sesebuah tamadun”, iaitu apabila mula berlakunya “kehilangan perhubungan antara masyarakat dan individu” (Bennabi 2005:67), sehingga ke suatu tahap “dapat menghancurkan masyarakat” tersebut daripada lipatan sejarah (Bennabi 2003:52). Ini kerana, krisis keintelektualan yang berlaku berkembang mengikut keretakan sosial daripada suatu tahap yang dapat ditangani dengan cara yang mudah kepada suatu tahap yang menjadikan pemulihan (kepada krisis intelektual) tersebut adalah mustahil untuk dilakukan.

Objektif Kajian

Daripada permasalahan tersebut, kajian ini diusahakan agar krisis keintelektualan yang berlaku dalam kalangan masyarakat berperadaban dapat dikenalpasti untuk diperbaiki sekalipun tidak dapat diselesaikan sepenuhnya krisis tersebut. Walau bagaimanapun, penelitian kertas kerja ini hanya berbentuk deskriptif sahaja (manakala usaha ke arah analisis kritis akan dilakukan pada kertas kerja yang lain). Antara objektif kajian ini ialah (i) meneroka makna asas daripada istilah intelektual itu sendiri, (ii) meneroka konsep intelektual menurut perspektif pemikiran ilmuwan tersohor abad ke-20 iaitu Malik Bennabi, (iii) mengenalpasti/mengidentifikasi elemen kefalsafahan yang terdapat di sebalik konsep intelektual daripada pemikiran tokoh termaklum, dan (iv) meneliti kepentingan faham intelektual dalam konteks pembangunan ketamadunan sejagat – khususnya dalam meneliti fungsi/peranan serta pengaruh intelektual.

Pengkajian tentang intelektual daripada figura hebat ini bertitik tolak daripada idea kritisnya iaitu “jika menginginkan suatu masa depan yang gemilang setiap bangsa perlu memiliki idea beridentiti sendiri dengan nilai integriti yang tinggi” (Bennabi 1994:70).

Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk konseptual-tekstual iaitu penerokaan dan penelitian terhadap kerangka pemikiran serta gagasan idea tokoh tentang keintelektualan. Kaedah pengumpulan data menggunakan kajian kepustakaan sepenuhnya dengan melibatkan dokumentasi – buku, artikel, kertas kerja tentang pemikiran tokoh berkenaan intelektual. Kaedah analisis data pula mengimplemenkan analisis tekstual iaitu analisis kandungan berbentuk deskriptif. Ini relevan agar proses penelitian terhadap pemikiran Bennabi tentang faham intelektual dan kepentingannya kepada pembangunan peradaban sejagat dapat dikenalpasti.

Sorotan Literatur

Kajian bertemakan intelektual bermula seawal 1970-an lagi, iaitu oleh Syed Hussein Alatas yang giat membincangkan mengenai intelektual dan keintelektualan dalam lingkungan masyarakat di rantau Alam Melayu khususnya Malaysia. Dalam karyanya bertajuk *Intellectuals in Developing Societies* (1977), Alatas membincangkan secara berfokus mengenai intelektual – konsep, fungsi serta peranan, permasalahan yang membelenggu intelektual di negara membangun, dan perbandingan antara intelektual dalam kalangan masyarakat membangun dengan masyarakat Barat Eropah. Intelektual yang difahami daripada pandangan Alatas merujuk kepada segolongan manusia yang mempunyai jalan tersendiri dalam mengendalikan kehidupan khususnya dalam menilai dan menganalisis permasalahan masyarakat. Golongan tersebut menekankan konsep kepekaan terhadap persekitaran sekeliling yang dianggap mereka sebagai suatu keperluan ilmiah.

Selain Alatas, Shahrarom (2013) turut mengkaji elemen intelektual dalam kajiannya bertajuk *Dunia Pemikiran Intelektual: Menelusuri Karya-karya Intelektual Terpilih*. Shahrarom menegaskan intelektual ialah suatu kelompok yang sentiasa terpenggil untuk membela masyarakat. Daripada kelompok tersebut beliau telah mendekati beberapa figura hebat daripada pelbagai latar belakang seperti ilmuwan, sasterawan, agamawan dan sebagainya. Mereka merupakan kelompok penting masyarakat kerana dinilai telah memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan idea, wacana dan kemajuan di pelbagai peringkat masyarakat.

Selanjutnya, apabila menelusuri kajian lepas tentang faham intelektual dari perspektif Bennabi, didapati bahawa ia masih belum giat diusahakan oleh para pengkaji untuk merungkai persoalan tersebut daripada gagasan pemikiran beliau. Ini kerana kebanyakan kajian lepas lebih tertumpu/terarah kepada aspek peradaban dengan dicaknai oleh pengkaji seperti Fawzia Bariun (1991), Abdelaziz Berghout (2005), Mohamed El-Tahir El-Mesawi (2007), Moh. Nurhakim (2008), dan Khairiah Mohd Yassin (2012, 2015). Pengkaji termaklum meneliti teori peradaban Bennabi dalam pelbagai dimensi seperti kebudayaan, politik dan kemasyarakatan.

Keadaan ini menjelaskan bahawa kajian bertemakan intelektual perlu terus dikaji serta dibincangkan secara konsisten khususnya dalam ruang lingkup pemikiran ilmuwan dan cendekiawan tersohor daripada bidang dan latar belakang yang pelbagai dan berbeza. Ini kerana pandangan mereka tentang intelektual menjadi suatu panduan dan pembuka jalan penyelesaian kepada permasalahan atau isu intelektual sedia ada yang masih membelenggu masyarakat Islam di seluruh dunia dan tidak terkecuali masyarakat bukan Islam.

Selain itu, kajian tentang intelektual ini dapat digambarkan sebagai sesuatu yang mempunyai permulaan, perkembangan, pengaruh serta kesannya terhadap masyarakat. Muhd Yusuf Ibrahim (2010:xviii) menegaskan pada hakikatnya negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pengkajian intelektual seperti sejarah intelektual. Kesedaran tersebut mendorong mereka membuat kajian yang meluas mengenainya sebagai suatu tradisi dan warisan intelektual yang mempunyai banyak manfaat dari aspek pengekal dan pengembangan tamadun mereka.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual berkaitan pemikiran intelektual kajian ini dibentuk berasaskan konsep *intellectual virtue-excellence* (keunggulan-kecemerlangan intelektual). Perbincangan kecemerlangan intelektual dikemukakan Aristotle dalam karyanya yang terkemuka *Nicomachean Ethics* khasnya apabila membincangkan mengenai elemen-elemen kebaikan dalam etika (Broadie & Rowe 2002). Aristotle berpandangan bahawa asas utama terkandung dalam *intellectual virtue* (keunggulan-kecemerlangan intelektual) ialah hikmah atau kebijaksanaan (dinilai sebagai kebaikan tertinggi) – berperanan mengawal tingkah laku dan pemahaman seseorang melalui usahanya dalam bidang ilmu/sains dan perenungan/pemikiran. (Duignan 2010:52; David Ross 1996:221).

Hujah Aristotle lagi “untuk makmur, untuk menjayakan kehidupan, perlulah kita menceburkan diri dalam kegiatan intelektual”. Alasan beliau ialah “kegiatan seperti itu sangat menyeronokkan, dan kehidupan intelektual mendatangkan kegembiraan yang tidak ada bandingannya”. Pada beliau, kegembiraan manusia bukannya terletak pada aktiviti intelektual tetapi aktiviti intelektual yang unggul merupakan kejayaan atau kemakmuran kepada manusia. Walaupun tidak semua ahli intelek di dalam sejarah itu orang yang bahagia, namun mereka semuanya orang yang berjaya iaitu sudah mencapai tahap yang disebut Aristotle sebagai *eudaimonia* (Barnes 1991:101).

Falsafah Aristotle tersebut menjadi asas kajian ini untuk meneliti pandangan Bennabi tentang falsafah intelektual. Signifikan penggunaan kerangka pemikiran Aristotle berasaskan konteks sejarah dan bukti pensejarahan. Ini kerana Aristotle merupakan tokoh falsafah terawal (yang cukup dominan pengaruhnya kepada pembangunan ilmu falsafah sejagat) telah membincangkan entiti serta elemen intelektual secara serius dan sistematik berasaskan argumen yang kukuh lagi mantap.

Wacana Pertama: Pemaknaan dan Pentakrifan Istilah Intelektual

Secara etimologinya, intelektual didefinisikan sebagai golongan terpelajar, cerdik pandai, cendekiawan, serta mempunyai kemampuan yang tinggi untuk berfikir iaitu dengan menggunakan akal budi (Kamus Dewan 2010:583). Akal tersebut berfungsi untuk memahami sesuatu, atau suatu bentuk latihan pemahaman terhadap sesuatu perkara dengan menggunakan fakulti intelek dan kuasa mental (*The Oxford English Dictionary* 1978:369-370).

Kajian ini mendapati bahawa terdapat dua elemen utama yang terkandung dalam makna intelektual tersebut. Elemen pertama merujuk kepada gelaran iaitu suatu nama atau pangkat yang diberikan kepada seseorang kerana ilmu yang dimilikinya serta pengaruh yang dimainkannya sebagai manusia. Gelaran intelektual merangkumi golongan terpelajar, cerdik pandai dan cendekiawan. Golongan terpelajar diasosiasikan dengan mereka yang

berpendidikan tinggi dan memiliki ijazah (peringkat tertinggi ialah Doktor Falsafah) dalam bidang kepakaran dan kemahiran masing-masing. Cerdik pandai diumpamakan seperti individu yang memiliki kebijaksanaan terhadap bidang ilmu yang ditekuninya serta berkemampuan untuk menganalisis dan menyelesaikan masalah dalam ruang lingkup persekitarannya. Cendekiawan dipersonafikasikan sebagai individu berilmu dan memiliki rasa tanggungjawab untuk mencari dan mewujudkan kebenaran sesuai dengan cabaran dan tuntutan zaman (Shaharom 2013:3-4).

Daripada setiap gelaran tersebut dapat menjelaskan bahawa mereka ini simbol elitis kepada masyarakat mereka. Simbol tersebut jika merujuk pandangan Edward Said diumpamakan seperti mereka yang mewakili sesuatu khusus kepada masyarakat atau bangsa mereka sendiri (Edward Said 1996). Ini kerana fungsi intelektual ialah memperjelas atau memperjuangkan sesuatu melalui pemikiran serta tindakan yang mereka wakili iaitu masyarakat atau organisasi (yang diwakili oleh mereka) (Muhd Yusuf Ibrahim 2010:11).

Selanjutnya, elemen kedua ialah kemampuan berfikir iaitu asas terutama dan terpenting sebagai intelektual. Kemampuan tersebut menggunakan intelek yang dipersonafikasikan Herakleitus sebagai jiwa atau minda iaitu sumber kecerdasan dan kebijaksanaan manusia (khusus bagi mereka yang berada dalam keadaan sedar) (Grote 1992:35-36). Plato pula mentafsirkan intelek sebagai bentuk taakulan iaitu satu bahagian yang berkaitan dengan kuasa roh manusia, berbeza dengan bahagian lain seperti deria dan imaginasi, kehairahan dan keinginan (Jones 2009:33-35).

Pada Aristotle dalam karya *Nicomachean Ethics*, intelek dikategorikan sebagai roh rasional yang mengandungi nilai kebaikan. Pemerolehan terhadap nilai kebaikan tersebut ditegaskan oleh Aristotle dapat diperolehi melalui proses pencarian hikmah (wisdom) (Duignan 2010:52). Imam al-Ghazzaliyy mengumpamakan intelek (al-‘aql) sebagai ciptaan bersifat mulia kerana ia merupakan sumber kepada ilmu pengetahuan. Kemuliaan intelek dan hubungannya dengan ilmu dipersonafikasikan al-Ghazzaliyy seperti cahaya dengan matahari – saling lengkap melengkapi antara kedua-duanya. Kemuliaan intelek turut dinilai mempunyai makna kebahagiaan di dunia dan akhirat (Al-Ghazzaliyy 2014:259-260; Mustafa Abu-Sway 1996:114).

Wacana Kedua: Pengonsepsian Faham Intelektual Menurut Bennabi

Jika merujuk kepada pandangan Bennabi, istilah intelektual dikaitkan dengan istilah *al-thaqafah* (Bennabi 2005:1). Istilah tersebut membawa maksud cepat belajar, cerdik atau pandai, cepat menerima dan memahami ilmu (Ibn Manzur 1990). Makna dari sudut etimologi tersebut meletakkan elemen kecepatan/kecekapan dan kecerdikan menggunakan akal sebagai sandaran utama sebagai seorang intelektual.

Selanjutnya, Bennabi menyatakan bahawa intelektual ialah suatu ungkapan berbentuk abstrak dengan melibatkan hubungan manusia dengan alam. Abstrak tersebut merujuk kepada keterkaitannya dengan elemen spiritual atau rohani. Elemen spiritual pula merupakan suatu kewujudan kepada psikologi dan dalaman manusia (Bennabi 2005:31). Gabungan antara elemen spiritual dan alam dapat mempengaruhi pemikiran dan pandangan seseorang.

Intelektual juga bermaksud satu golongan berasaskan pernyataan Bennabi “membekalkan pemikiran golongan intelektual” (Bennabi 2005:55). Golongan dimaksudkan sebagai “mereka

yang bukan bergantung [semata-mata] kepada kamus besar”, tetapi mereka yang “menggunkan akal dengan bersungguh-sungguh” untuk memikirkan perkara yang tersurat dan tersirat yang berlaku di sekelilingnya (Bennabi 2009:124).

Bennabi menegaskan bahawa intelektual dapat dilihat dan diperhatikan pada dua tahap – individu dan sosial. Dua tahap tersebut merupakan asas kepada pembentukan nilai intelektual dan keintelektualan peradaban manusia, sebagaimana huraian selanjutnya.

Pada tahap pertama iaitu individu, intelektual dinilai berasaskan alam pemikiran dan alam benda yang berada di sekelilingnya sepanjang hidupnya. Gabungan kedua-dua alam tersebut akan mencorakkan paradigma intelek seseorang (Bennabi 2005:36). Dalam konteks ini juga, seseorang mempunyai hak untuk berkembang dan mendahului orang lain berasaskan kecemerlangan yang diperolehinya.

Pada tahap kedua iaitu sosial, intelektual dipersonifikasikan sebagai denyut jantung atau nadi kepada kehidupan. Ini berdasarkan ketegasan Bennabi “keintelektualan merupakan nadi kehidupan masyarakat”, dan tambahnya lagi “tanpa keintelektualan masyarakat boleh dianggap mati [tidak berguna]” dalam sejarah kehidupan berperadaban (Bennabi 2005:31). Masyarakat dalam konteks ini merangkumi pelbagai latar belakang pendidikan seperti “tukang besi, seniman, petani, ulama’ dan imam” yang setiap mereka berperanan mencorakkan sejarah peradaban mereka sendiri (Bennabi 2005:54).

Perumpamaan Bennabi tersebut memperlihatkan hubungan timbal balik antara intelektual dengan masyarakat. Asasnya, intelektual diperlukan untuk membangunkan pemikiran masyarakat. Pemikiran masyarakat pula melambangkan nilai kefalsafahan dan kemanusiaan yang dipengaruhi oleh intelektual. Hasil daripada hubungan atau keterikatan tersebut mewujudkan semua bentuk komunikasi bersifat intelektual seperti bahasa dan sastera dalam kalangan masyarakat.

Berdasarkan pandangan Bennabi tersebut, kajian ini mendapati bahawa intelektual ialah segolongan mereka yang berkemampuan untuk memahami ilmu atau sesuatu perkara. Elemen spiritual ditekankan Bennabi iaitu suatu tenaga yang menjadi pemacu atau pemangkin untuk menjadikan intelektual tersebut berfungsi secara berkesan kepada masyarakat dan peradabannya. Di sini uniknya pemikiran Bennabi kerana turut menyelitkan elemen spiritual sebagai karakteristik bagi golongan intelektual. Ini kerana tradisi pemikiran Barat yang mengabaikan elemen kerohanian tersebut seperti yang diungkapkan Brosio (1994:3) “the absence of the term spiritual is intentional” dalam menjelaskan identiti intelektual. Justeru, keadaan ini menyebabkan berlaku kelompongan yang amat ketara khasnya dari sudut pembangunan dalaman bagi seorang intelektual. Kelompongan tersebut pada akhirnya akan memberi kesan kepada pemikiran dan tingkah laku masyarakat terlibat secara keseluruhannya (seperti berlakunya penolakan terhadap prinsip ketuhanan dan pengabaian terhadap institusi keagamaan secara terbuka dan berleluasa).

Wacana Ketiga: Pengidentifikasian Faham Intelektual Dari Kotak Fikir Bennabi

Justeru, penghuraian berikut berfokus kepada faham intelektual menurut Bennabi. Kenapa faham intelektual? Pertamanya, Bennabi merupakan tokoh peradaban yang menekuni ilmu falsafah serta berusaha untuk mengaitkan falsafah dalam karya penulisannya. Terdapat penjelasan, penghuraian dan penganalisan bersangkutan dengan falsafah serta idea-idea ahli

falsafah seperti Al-Farabi, Ibn Sina, al-Ghazzaliyy, Ibn Khaldun termasuk Thomas Aquinas, Descartes dan Einstein, ketika beliau membicarakan mengenai persoalan intelektual masyarakat ber peradaban.

Keduanya, signifikan intelektual diteliti dalam konteks ke falsafahan bersandarkan titipan bermakna daripada ilmuwan Islam tersohor Imam al-Ghazzali “falsafahlah yang dapat mengubah [hidup] seseorang”, dan dengan “falsafah seseorang dapat mengenali dirinya dan memahami persekitarannya” (Qitori 2013:7). Hamka pula menyantuni bahawa “falsafah tidak akan berhenti, selama manusia masih berfikir, selama manusia masih bertanya, selama batin manusia masih merasa adanya rahsia itu” (Hamka 2017:xviii). Pengalaman yang diperolehi daripada falsafah ialah ketika mana seseorang dapat mengaitkan hubungan antara satu perkara dengan perkara yang lainnya (Bennabi 2005:29).

Kerangka konseptual faham intelektual pada Bennabi dibina berasaskan elemen *intellectual virtue-excellence* dalam falsafah. Konsep tersebut dipelopori oleh Aristotle khasnya apabila membincangkan mengenai elemen-elemen kebaikan dalam etika. Asas utama terkandung dalam *intellectual virtue-excellence* ialah pemerolehan hikmah atau kebijaksanaan (dinilai sebagai kebaikan tertinggi) – berperanan mengawal tingkah laku dan pemahaman seseorang melalui usahanya dalam bidang ilmu/sains dan perenungan/pemikiran. (Duignan 2010:52; Broadie & Rowe 2002:46; David Ross 1996:221). Kualiti *intellectual virtue-excellence* turut menekankan elemen kepandaian, kefahaman mendalam, bertimbang rasa, serta pengalaman yang mencerminkan pemikiran yang bijak (Broadie & Rowe 2002:49).

Jika diperhalusi sebaiknya, kajian ini mendapati bahawa faham intelektual Bennabi dinilai berasaskan penyataannya seperti: “sebenarnya kesedaran keintelektualan ini diperolehi individu melalui lingkaran kehidupannya dan lingkaran kesedaran rohani yang menguasai kewujudan dalaman individu” (Bennabi 2005:36). Tegasnya lagi, “kelumpuhan moral/akhlak boleh menyebabkan kelumpuhan intelek” (Bennabi 1991: 105). Keadaan ini boleh berlaku apabila seseorang berhenti berusaha menyempurnakan moral dirinya, ia juga dengan sendirinya berhenti daripada mengubah keadaan kehidupannya. Kesan pada akhirnya sudah pasti menyebabkan fikiran menjadi kaku – di mana inteletknnya sudah tidak berfungsi lagi.

Penyataan tersebut memberi suatu nilai bahawa intelektual berkait rapat dengan spiritual dan moral. Persoalannya, apakah perkaitan antara intelektual dengan spiritual dan moral? Kajian ini mendapati bahawa intelektual dan spiritual merupakan rantaian yang saling berkait kerana hikmah atau kebijaksanaan diperolehi daripada “tekanan rohani yang tertentu” yang mendorong “tenaga rohani [tersebut] menjadikan jiwa itu [sebagai] tenaga pemacu” dalam usaha memahami ilmu dan permasalahan/persoalan di persekitarannya (Bennabi 2009:27).

Selanjutnya, keterkaitan antara intelektual dan moral/akhlak ialah hikmah dalam kebaikan-kecemerlangan intelektual tidak dapat dipisahkan dengan kebaikan moral kerana keduanya: moral dan intelektual ialah bahagian afektif pada jiwa seseorang (Duignan 2010:53). Dalam ruang lingkup ini Bennabi berpandangan “falsafah akhlak merupakan prinsip utama bagi perancangan pendidikan untuk semua kebudayaan” (Bennabi 2005:41). Tegasnya lagi, “akhlak merupakan satu susunan pendidikan yang penting tentang [berkaitan] sesuatu keintelektualan”, serta dinilai sebagai “aspek penting dan asasi” kepada persoalan intelektual dan keintelektualan (Bennabi 2005:43). Maknanya, akhlak merupakan elemen utama yang mendasari pembentukan intelektual – dapat diaplikasikan melalui proses pendidikan.

Wacana Keempat: Analisis Kepentingan Faham Intelektual Dari Perspektif Bennabi

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini mendapati bahawa intelektual merupakan asas penting yang begitu dititikberatkan oleh Bennabi. Dalam konteks ini, kepentingan intelektual dianalisis dan dihurai secara deskriptif (kerana usaha ke arah penelitian kritis akan dikemukakan pada kertas kerja yang lain).

Intelektual ditanggapi sebagai indikator terbaik bagi manusia dalam membangunkan/memajukan bangsanya dalam sejarah peradaban. Ini bersesuaian dengan pandangan Bennabi bahawa “sebenarnya kehebatan sesuatu bangsa bergantung kepada idea pemikirannya” (Bennabi 2005:91). Apakah perkaitan antara intelektual dengan idea pemikiran? Keterkaitan tersebut dinilai berdasarkan hubungan timbal balik antara kedua-duanya. Intelektual ialah mereka yang berusaha menghasilkan idea-idea untuk membantu menyelesaikan sebarang permasalahan bangsa dan masyarakatnya. Idea-idea yang dihasilkan merupakan suatu perlambangan diri bagi kaum intelektual.

Bennabi turut menegaskan “seseorang intelektual [khasnya] Islam berasa perlu untuk menilai pembangunan fizikal dari sudut kemanusiaan yang luas sehingga ia dapat memahami peranannya yang khas dan peranan keintelektualannya di peringkat antarabangsa” (Bennabi 2005:91).

Selanjutnya, berasaskan analisis yang dilakukan, berikut dikemukakan beberapa kepentingan faham intelektual terhadap pembangunan intelektual bangsa bertamadun termasuk Malaysia. Kepentingan faham intelektual ini dinilai berasaskan beberapa pertimbangan terhadap fungsi/peranan intelektual serta pengaruh mereka kepada sejarah ketamadunan sejagat. Fungsi di sini dihurai berdasarkan tugas yang perlu dilaksanakan dan tanggungjawab yang perlu dilunaskan sebagai kaum intelektual. Pengaruh pula bertumpu kepada elemen kekuatan yang ada pada kaum intelektual sehingga memberi kesan kepada keadaan masyarakat serta persekitarannya. Daripada analisis yang dilakukan terdapat enam pertimbangan berasaskan fungsi/peranan dan pengaruh intelektual sepertimana huraian berikutnya.

Pertama, intelektual berperanan memberi suatu petunjuk atau jalan penyelesaian

Fungsi ini berasaskan pandangan Bennabi “maka pandangan-pandangan yang dilontarkan harus menentukan petunjuk-petunjuk jalan”, serta dapat menjadi pemangkin dalam “menciptakan motif-motif” tertentu dalam kehidupan bangsa mereka (Bennabi 1994:56). Howard senada dengan Bennabi apabila menegaskan bahawa intelektual “concerned with examining society and providing guidelines into the way values are expressed in contemporary life” (Howard 2006:2).

Bennabi turut mengingatkan bahawa “masa depan merupakan tujuan yang berada jauh di hadapan” (Bennabi 1994:56), dan “merancang masa depan [perlu] dengan cara positif” (Bennabi 2005:49). Untuk memahami tujuan cita-cita dan merancangnya dengan baik, intelektual amat diperlukan agar masyarakat dapat mencapai atau meraih cita-cita mereka. Pramoedya menegaskan “pada mereka [intelektual] dituntut keelokkan untuk dapat melihat peran[an] dari perkembangan nasional yang bererti juga kemampuan untuk melihat hari depan” (Pramoedya 2016:53).

Selanjutnya, Bennabi menegaskan bahawa intelektual memainkan peranan yang cukup signifikan untuk menggabungkan sains dan kesedaran, etika dan teknik, fizik dan metafizik (Bennabi 2006). Ini kerana gabungan daripada setiap entiti falsafah tersebut dapat mewujudkan suatu bentuk keseimbangan dalam proses pencapaian di alam dunia dan akhirat yang imperatif sifatnya bagi setiap masyarakat terkhas kepada masyarakat Islam.

Dalam konteks ini pandangan Pramoedya wajar diperhalusi/diteliti: “kaum intelektual adalah kaum yang menempatkan nalar (pertimbangan akal) sebagai kemampuan pertama yang diutamakan, yang melihat tujuan akhir upaya manusia dalam memahami kebenarannya dengan penalarannya” (Pramoedya Ananta Toer 2016:52). Kemampuan tersebut membolehkan intelektual menjalankan tanggungjawabnya terkhas dalam menilai keadaan masyarakatnya, seterusnya memberikan jalan penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi.

Kedua, intelektual berperanan membina gagasan-gagasan dan idea-idea

Peranan intelektual ini dikemukakan berasaskan pandangan Bennabi bahawa “gagasan-gagasan telah dilontarkan, meledak” (Bennabi 1994:55). Seterusnya, setiap gagasan dan idea mereka tersebar “laksana gelombang-gelombang udara” sehingga mendorong kepada perubahan dalam kalangan masyarakat mereka yang jumud kepada perubahan positif – berlakunya suasana “pengkajian serius di sekolah, masjid, organisasi [berbentuk] reformasi” (Bennabi 1994:55).

Secara asasnya, idea merupakan simbol kekuatan dan keunikan kaum intelektual. Stromberg misalnya berpandangan bahawa intelektual begitu terpengaruh dan terpesona dengan interaksi antara idea-idea dan tingkah laku manusia dalam mencetuskan peristiwa-peristiwa penting dan bersejarah” (Stromberg 1994:2). Keadaan ini berlaku kerana sesuatu idea boleh diperolehi daripada pengalaman seseorang (Webb 1990; Yolton 1993). Selain kekuatan dan nilai sebenar idea sangat mempengaruhi intelektual sepertimana ditegaskan Watt “if ideas are powerless, then the intellectual, as the bearer of ideas, has no important functions” (Watt 1963:1).

Antara gagasan dan idea yang dimaksudkan Bennabi ialah “perlunya mereka [intelektual] “menanam benih menentang kebodohan”, “membangunkan sekolah” (Bennabi 1994:70), “mengatasi kelemahan berfikir dan bertindak” (Bennabi 1991:103), “mengeluarkan [masyarakat] dari kekacauan ke keadaan yang teratur” dan “kepada satu tingkat peradaban yang dicirikan berdasarkan keintelektualan Islam dan keintelektualan moden” (Bennabi 1991:159; Bennabi 2006:196).

Permasalahan daripada kupasan kritis Bennabi di atas menjelaskan bahawa intelektual sememangnya perlu berperanan dengan sebaiknya untuk mengatasi permasalahan masyarakat yang melingkarinya. Ini kerana intelektual sepertimana ditegaskan Shaharom (2013:3) merupakan pemikir-pemikir yang memiliki kemampuan menganalisis masalah-masalah tertentu (termasuk masalah daripada ungkapan Bennabi termaklum).

Ramlah Adam (1999:x) ada menyatakan “pemikiran tokoh [intelektual] itu boleh menjadi rujukan kepada sebarang masalah semasa atau memberi idea bagi mengatasi permasalahan yang melanda masyarakat”. Tegus Ramlah (1999) lagi dengan menjadikan idea pemikiran intelektual tersebut sebagai rujukan akan membolehkan generasi masa kini (dan akan datang) menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

Ketiga, intelektual berperanan sebagai katalis kepada perjuangan dan revolusi bangsa dan negara

Bennabi menyatakan bahawa intelektual ialah mereka yang “bersinar dan bergelut dengan perjuangan dan revolusi” (Bennabi 1994:55). Ia bersesuaian dengan tanggungjawab mereka yang pada Bennabi “berkewajiban menyampaikan risalah [berbentuk kebenaran] sama ada yang besar mahupun kecil” (Bennabi 1994:160). Intelektual terkhas kepada intelektual Islam diseru agar “melakukan revolusi ilmu secara menyeluruh yang [agar] mampu menyaingi dunia Barat”, kerana dengan revolusi dari sudut keintelektualan dapat mengubah kehidupan masyarakat secara mutlak dan menyeluruh (Bennabi 2005:50,67).

Mereka digelar Bennabi sebagai “kelompok reformasi” iaitu mereka yang berpaksikan kepada akidah yang benar, selain berusaha untuk mengubah setiap sisa-sisa kemunduran yang ada pada diri dan bangsa mereka (Bennabi 1994:55). Peranan intelektual ini bersangkutan dengan saranan daripada Allah Ta’ala dalam Surah *Al-Ra’d* (13) ayat 11, iaitu “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan mereka mengubah nasibnya sendiri”. Ayat ini merupakan gambaran terhadap nilai kekuatan akal budi yang dianugerahkan oleh Allah Ta’ala kepada manusia. Ini kerana dengan kekuatan tersebut manusia dapat bertindak sendiri dan mengendalikan dirinya sendiri di bawah naungan Allah (Hamka 1983:73).

Dalam konteks ini, intelektual dituntut untuk bergerak sendiri ke hadapan dengan menyedarkan masyarakat sekelilingnya tentang agama dan kebenaran. Tanpa melangkaui sempadan dan batasan sebagai manusia, intelektual berperanan sebagai pemangkin kepada perjuangan bangsa dan negaranya untuk memantapkan survival mereka dalam kehidupan berperadaban.

Peranan intelektual dalam konteks ini senada dengan pandangan Syed Hussein Alatas. Pada Alatas, intelektual merupakan “kelompok yang cukup berpengaruh untuk memberikan kepemimpinan dalam bidang pemikiran” (Alatas 1977:9; Alatas 1991:11). Kepimpinan intelektual dalam bidang pemikiran merupakan suatu penanda aras pada Alatas untuk mengkategorikan mereka (golongan intelektual) ini sebagai ikon revolusioner kepada pergerakan dan perkembangan bangsa mereka sendiri.

Peranan cendekiawan dalam konteks ini tidak sewajarnya diperlekehkan kerana mereka adalah pemegang obor akal budi dan pencerahan masyarakat. Azhar Ibrahim (2014:xii) menegaskan bahawa sekiranya sesebuah masyarakat itu ketandusan golongan pemikir, akan menyebabkan masyarakat tersebut gagal mendapat kefahaman yang jernih dan mendalam akan masalah yang dihadapi.

Keempat, intelektual berpengaruh melahirkan gerakan di setiap penjuru dunia

Pengaruh intelektual ini berasaskan pernyataan Bennabi bahawa mereka “berkehendak untuk melakukan pergerakan dan pembaharuan”, serta berusaha menyedarkan masyarakat supaya “meninggalkan budaya khurafat” dan “memasuki pusat-pusat [berbentuk] keilmuan” (Bennabi 1994:55).

Bennabi turut menyebut bahawa “ucapan-ucapan [tokoh intelektual] seperti Jamaluddin Al-Afghani [telah] melahirkan gerakan di segenap penjuru [dunia]” (Bennabi 1994:53). Kehebatan ucapan Al-Afghani tersebut ditamsilkan Bennabi sebagai “penuh [dengan] tenaga yang efektif” (Bennabi 1994:54) sehingga berkesan menyentak hati nurani masyarakat Islam

(ketika itu) untuk bangkit daripada kealpaan, kelenaan, kelalaian dan ketaksuban diri yang merosakkan.

Gerakan yang terhasil daripada pengaruh intelektual tersebut ialah dari sudut perkembangan akal fikiran masyarakat daripada bangsa tidak bertamadun kepada bangsa bertamadun. Selain membantu mewujudkan persekitaran yang efektif dan progresif dalam kehidupan berperadaban.

Sesungguhnya, intelektual cukup berpengaruh kepada pembentukan dan pembangunan masyarakatnya. Ini kerana mereka merupakan indeks atau angkubah zamannya dan masyarakatnya (Ramlah Adam 1999:x).

Kelima, intelektual berpengaruh menghidupkan suasana keilmuan dan keilmiahan

Bennabi menyatakan bahawa masyarakat Islam seluruh dunia (termasuk di Kepulauan Melayu) telah lama terlena panjang akibat daripada penjajahan puak kolonialis yang oppurtunis seperti bangsa Eropah dan Jepun. Kelenaan tersebut telah disedarkan oleh kaum intelektual pada sesebuah bangsa, misalnya Jamaluddin Al-Afghani-Mesir, Bin Badis-Afrika Utara, Syed Syeikh Al-Hadi-Semenanjung Tanah Melayu, Sukarno dan Mohamad Hatta-Indonesia dan Jose Rizal-Filipina.

Para intelektual ini telah berusaha membangunkan pelbagai gagasan dan berjuang menyedarkan bangsa masing-masing tentang hakikat dan kepentingan ilmu pengetahuan. Kesungguhan dan kesanggupan mereka mewujudkan suatu suasana keilmuan di persekitaran mereka diakui dan dikagumi ramai. Keadaan ini dapat digambarkan melalui daripada suatu tahap “menjadikan proses peribadatan semata-mata” telah “berkembang menjadi pidato, pembicaraan, diskusi dan perdebatan” dalam kalangan masyarakat mereka sendiri. (Bennabi 1994:54).

Pengaruh intelektual pada Bennabi bermula apabila mereka “mengambil hal-hal yang bermanfaat dari ilmu-ilmu klasik (falsafah Yunani)” dan seterusnya memberi sumbangan kepada “ilmu-ilmu baharu” iaitu kemuncak kepada perkembangan keintelektualan dalam peradaban Islam (Bennabi 1994:78). Bennabi melanjutkan pandangannya “ilmu pengetahuan berkembang [dalam peradaban Islam]” di tangan intelektual seperti “Al-Farabi, Ibn Sina, Abu al-Wafa’, Ibn Rushd sehingga Ibn Khaldun”, dan “kehebatan mereka bersinar cemerlang” (Bennabi 1994:79).

Ingin ditegaskan di sini bahawa kehebatan intelektual tersebut di satu sudut memperlihatkan bahawa mereka ialah “pemikir-pemikir yang memiliki kemampuan menganalisis masalah-masalah tertentu” (Shaharom 2013:3). Pada satu sudut yang lainnya pula mereka “memiliki ketokohan cendekia yang disegani oleh masyarakat dalam membicara dan mengupas keperihal dan permasalahan masyarakat, negara dan keadaan dunia semasa” (Azhar Ibrahim 2014:1).

Keenam, intelektual berpengaruh menitip dan membangunkan arus perubahan

Bennabi menyatakan bahawa intelektual menyebarkan idea-idea mereka untuk tujuan perubahan berbentuk positif dalam kalangan masyarakatnya. Mereka ini sering menitipkan pesanan berbentuk peringatan dan nasihat seperti: “ajaran yang benar mesti disampaikan

kepada kaum Muslim[in]” serta kaum sejagat, “mari kita meninggalkan bid’ah buruk yang melumuri [dan mengotori] agama”, “mari kita meninggalkan berhala-berhala”. Selain turut berpesan supaya “kita harus bekerja, belajar dan memperbaiki hubungan kita dengan kaum yang soleh, serta menghidupkan kembali syiar masyarakat Islam yang awal” (Bennabi 1994:56).

Perubahan yang dititipkan ialah perubahan progresif daripada cara-cara asli kepada cara-cara yang lebih sempurna, serta berupaya meminda/mengubah keadaan dan suasana persekitarannya (Bennabi 1991:113; Bennabi 2006:141). Pemindaan dan perubahan tersebut untuk tujuan pembangunan keintelektualan masyarakatnya.

Intelektual dapat merealisasikan perubahan dalam kalangan masyarakatnya melalui aspek pendidikan. Pendidikan khasnya pendidikan sosial yang diusahakan golongan intelektual berupaya “mendidik setiap individu tentang seni kehidupan sesama manusia” yang ditegaskan Bennabi “inilah caranya (pendidikan sosial) untuk menjadi menjadi manusia yang bertamadun” (Bennabi 2009:122).

Pengaruh intelektual ini berkait erat dengan peringatan daripada Allah Ta’ala dalam Surah *Ali Imran* (3) ayat 110: “Hendaknya kamu sekalian menjadi umat terbaik yang diutus untuk manusia” iaitu mereka yang berperanan menyeru kepada kebaikan dan berusaha mencegah segala bentuk kemungkaran, serta mengimani dengan sepenuh ketakwaan kepada Allah Ta’ala. Setiap saranan tersebut terarah kepada suatu proses pembentukan jati diri menjadi seorang Muslim sejati. Selain turut menyelitkan unsur-unsur perubahan bertujuan untuk pembaikan diri.

Berdasarkan penghuraian di atas, terdapat tiga peranan utama yang dimainkan oleh golongan intelektual, dan tiga lagi merujuk kepada pengaruh mereka terhadap pembangunan intelektual bangsa dan negaranya. Peranan dan pengaruh tersebut dinilai sebagai suatu elemen penting yang menonjolkan identiti sebenar intelektual berfungsi dalam kalangan masyarakatnya.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa intelektual pada Bennabi merangkumi gabungan antara elemen intelek dan spiritual. Gabungan kedua-dua elemen tersebut akan menjadi lebih efektif apabila melibatkan interaksi secara serius dan konsisten dengan alam persekitarannya. Ini kerana, proses interaksi yang berlaku dapat membentuk seseorang menjadi intelektual berfungsi kepada masyarakat dan persekitarannya.

Seterusnya, identifikasi faham intelektual Bennabi dibina berasaskan *intellectual virtue* yang bermatlamatkan pemerolehan hikmah dan kebijaksanaan terkhas dalam konteks memahami ilmu pengetahuan serta permasalahan yang berlaku di persekitarannya. Pemerolehan sesuatu hikmah ialah bersandarkan gabungan antara elemen spiritual dan moral. Spiritual dan moral dinilai sebagai asas terpenting yang perlu diterapkan dalam pembinaan dan pembentukan diri golongan intelektual. Pembinaan tersebut bertujuan untuk menguatkan jati dirinya agar terus meletakkan keutamaan kepada pencarian hikmah dan kebenaran.

Ini bermakna, apabila golongan intelektual tersebut mempunyai jati diri yang kuat (sama ada dari sudut dalaman atau luarnya) maka mereka dapat menjalankan tanggungjawab dan peranan yang diamanahkan dengan sebaik dan selancar mungkin. Peranan dalam konteks

pembangunan keintelektualan bangsa seperti membuka ruang dan jalan penyelesaian terhadap pelbagai isu dan permasalahan semasa, menggagaskan pelbagai gagasan dan idea dalam pelbagai lapangan ilmu, serta pemangkin kepada perjuangan progresif bangsa dan negaranya. Peranan mereka ini cukup bernilai dan bermakna sekali apabila masyarakat di sekeliling dapat memahaminya dengan baik, dan seterusnya membantu intelektual tersebut melancarkan proses pembangunan keintelektualan secara bersatu padu dan konsisten. Akhirnya, pembangunan keintelektualan masyarakat terkhas masyarakat Islam dapat dimantapkan dan diperkasakan setaraf atau lebih tinggi lagi daripada masyarakat lain (seperti masyarakat Barat di Eropah).

Rujukan

- Alatas, Syed Hussein. 1977. *Intellectuals in Developing Societies*. London: Franck Cass.
- Alatas, Syed Hussein. 1991. *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazzaliyy. 2014. *Ihya' Ulumuddin*. Muhammad Akhyar & Syahrin Bin Jasah (terj.). Vol. 1. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Azhar Ibrahim. 2014. *Cendekiawan Melayu Penyuluh Emansipasi*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Baumer, Franklin Le Van. 1978. *Main Currents of Western Thought: Readings in Western European Intellectual History From the Middle Ages to the Present*. USA: Yale University Press.
- Bariun, Fawzia. 1991. "Social Change as Seen by Malik Bennabi", dalam *The American Journal of Islamic Sciences*, Vol. 8, No. 1, 1991, pp. 189-194.
- Bennabi, Malik. 1991. *Islam dalam Sejarah dan Masyarakat*. Ismail Ahmad (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bennabi, Malik. 1994. *Membangun Dunia Baru Islam*. Afif Muhammad (terj.). Bandung: Penerbit Mizan.
- Bennabi, Malik. 2003. *The Question of Ideas in the Muslim World*. Mohamed El-Tahir El-Mesawi (terj.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Bennabi, Malik. 2005. *Krisis Intelektual Muslim*. Zulkarnain Mohamed & Farid Mat Zain (terj.). Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Bennabi, Malik. 2006. *Vocation de l'Islam*. Bayrut: Dar Albouraq.
- Bennabi, Malik. 2009. *Asal Usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan Sosial*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Berghout, Abdelaziz. 2005. "Malik Bennabi's Political Thought: Towards a Civilizational Analysis", *Contemporary Islamic Political Thought: A Study of Eleven Islamic Thinkers*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, pp. 155-186.
- Broadie, Sarah & Rowe, Christopher. 2002. *Aristotle Nicomachean Ethics: Translation, Introduction and Commentary*. Oxford: Oxford University Press.
- Brosio, Richard. 1994. "Staying Alive: Intellectual and Spiritual Sustenance on the Journey for Critical Foundations Scholars-Teachers", *Annual Meeting of the American Educational Studies Association*, 10 November 1994, hal. 1-18.
- Duignan, Brian (ed.). 2010. *The 100 Most Influential Philosophers of All Time*. New York: Britannica Educational Publishing.
- Grote, George. 1992. *Plato and the Other Companions of Sokrates*. Bristol: Thoemmes Press.
- Hamka. 1983. *Tafsir Al-Azhar*. Juzu' 13. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hamka. 2017. *Falsafah Hidup*. Batu Caves: PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Ibrahim M. Zein. 2008. "Joseph in the Torah and the Qur'an: An Assessment of Malik Bennabi's Narrative", *Intellectual Discourse*, Vol. 16, No. 2, pp. 187-208.

- Jones, David. 2009. *The Gift of Logos: Essays in Continental Philosophy*. Cambridge: Cambridge Scholars Publishing.
- Kamus Dewan*. 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairiah Mohd Yassin. 2012. Peranan Kebudayaan Dalam Perkembangan Ilmu Menurut Perspektif Barat dan Islam: Kajian Perbandingan Pemikiran Edward B. Tylor dan Malik Bennabi. *Tesis PhD*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Khairiah Mohd Yassin. 2015. "Institusi Kemasyarakatan Sebagai Katalis Keintelektualan Menurut Pemikiran Peradaban Malik Bennabi", *Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, Vol. 16 (December 2015), pp. 63-85.
- Manzur, Abi al-Fadl Jamaluddin Muhammad Bin Makrum Ibn. 1990. *Lisan al-'Arab*. Jil. 9. Bayrut: Dar al-Sadir.
- Mohamed El-Tahir El-Mesawi. 2007. "Religion, Society, and Culture in Malik Bennabi's Thought", *The Blackwell Companion to Contemporary Thought*, BCI12, pp. 213-256.
- Moh. Nurhakim. 2008. "Malik Bennabi dan Strategi Pembangunan Peradaban Alternatif Bagi Dunia Ketiga", *Journal of Al-Tamaddun*, Vol. 3, December-January 2008, pp. 113-130.
- Muhd Yusuf Ibrahim. 2010. *Sejarah Intelektual: Konsep dan Skop*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Abu-Sway. 1996. *Al-Ghazzaliyy A Study In Islamic Epistemology*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1999. *Sumbanganmu Dikenang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ross, David. 1996. *Aristotle*. New York: Routledge.
- Said, Edward. 1996. *Representations of the Intellectual*. New York: Vintage Books.
- Shaharom TM Sulaiman. 2013. *Dunia Pemikiran Intelektual: Menelusuri Karya-karya Intelektual Terpilih*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Stromberg, Roland N. Stromberg. 1994. *European Intellectual History Since 1789*. 6th Edition. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- The Oxford English Dictionary*. 1978. Vol. V: H-K. Oxford: Oxford University Press.
- Watt, W. Montgomery. 1963. *Muslim Intellectual: A Study of Al-Ghazali*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Webb, Thomas E. 1990. *The Intellectualism of Locke An Essay 1857*. Bristol: Thoemmes Press.
- Yolton, John W. 1993. *Locke and the Ways of Ideas*. Bristol: Thoemmes Press.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 1979. "Sejarah Dalam Proses Pembangunan" dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Salam Press Sdn. Bhd